

**PENGUASAAN BAHASA ARAB DAN PENGARUHNYA TERHADAP  
KEFAHAMAN TEKS SUBJEK SASTERA ARAB STAM**  
(PROFICIENCY IN ARABIC LANGUAGE AND ITS INFLUENCE ON  
COMPREHENSION OF TEXT READING OF ARABIC LITERARY SUBJECTS)

MUHAMMAD SAIFUL ANUAR YUSOFF<sup>1\*</sup> & ZAWIAH SEMAN<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Universiti Teknologi MARA Kelantan, Malaysia

<sup>2</sup>SMK Agama Wataniah, Machang, Kelantan

saiful673@uitm.edu.my

*ABSTRAK*

Subjek Kesusasteraan Arab merupakan antara subjek penting yang harus diambil oleh pelajar yang ingin mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Subjek ini memerlukan kepada kemahiran memahami teks puisi dan prosa yang tinggi untuk mendapatkan keputusan yang baik dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Untuk memahami teks bacaan, penguasaan bahasa Arab yang melibatkan aspek kosa kata dan tatabahasa diperlukan. Namun, pencapaian pelajar yang rendah dalam subjek Adab dan Nusus menimbulkan persoalan berkaitan kefahaman pelajar apabila membaca teks sastera Arab. Keadaan ini menyebabkan penguasaan bahasa Arab pelajar dipersoalkan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat tahap kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh penguasaan bahasa Arab terhadap kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab STAM. Sebanyak 400 soal selidik telah diedarkan kepada pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan STAM di Kelantan. Daripada jumlah tersebut, 375 data digunakan selepas dijalankan proses pembersihan data. Hasil analisis menggunakan perisian SmartPLS 3.0 menunjukkan faktor penguasaan bahasa Arab ( $\beta=0.486$ ,  $t=12.242$ ,  $p<0.01$ ,  $f^2=0.300$ ) mempengaruhi secara positif kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab dengan jumlah varian yang diterangkan oleh faktor ini sebanyak 23.1% ( $R^2=0.231$ ). Penemuan ini dengan membuktikan sumbangan besar faktor penguasaan bahasa Arab terhadap kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab. Penguasaan aspek kosa kata bahasa Arab dan tatabahasa perlu diberi keutamaan dalam merealisasikan kefahaman bacaan teks bacaan dan seterusnya menjamin kecemerlangan dalam subjek sastera Arab STAM.

*Kata kunci:* Penguasaan bahasa arab, kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab

*ABSTRACT*

The subject of Arabic Literature is one of the important subjects that should be taken by students who want to take the Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) examination. This subject requires high skills in understanding poetry and prose texts to get good results in the Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) examination. To understand a reading text, a mastery of the Arabic language involving aspects of vocabulary and grammar is required. However, the low achievement of students in the subject of Adab and Nusus raises questions related to students' comprehension when reading Arabic literary texts. This situation caused the students' Arabic language proficiency to be questioned. Therefore, this study was conducted with the aim of looking at the level of reading comprehension of Arabic literary subjects. In addition, this study also aims to identify the influence of Arabic language proficiency on the text reading comprehension of STAM Arabic literature subjects. A total of 400 questionnaires were distributed to students who took the STAM examination in Kelantan. Of that total, 375 data were used after the data cleaning process was carried out. The results of the analysis using

SmartPLS 3.0 software showed that the Arabic language proficiency factor ( $\beta=0.486$ ,  $t=12.242$ ,  $p<0.01$ ,  $f^2=0.300$ ) positively influenced the reading comprehension of Arabic literature subjects with the total variance described by this factor as 23.1% ( $R^2= 0.231$ ). This finding proves the great contribution of Arabic language proficiency factors to the reading comprehension of Arabic literary subjects. Mastery of aspects of Arabic vocabulary and grammar should be given priority in realizing the reading comprehension of the reading text and in turn ensure excellence in the subject of Arabic literature STAM.

*Keywords:* Proficiency in Arabic language, comprehension of text reading of Arabic literary subjects

## 1. Pengenalan

Subjek sastera Arab merupakan antara subjek penting yang harus diambil oleh pelajar yang ingin mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Kandungan subjek ini meliputi pengajian sejarah perkembangan kesusasteraan Arab dan kajian teks puisi dan prosa Arab. Pelajar diberikan contoh teks sama ada teks puisi atau prosa untuk dianalisis dari sudut latar belakang sejarah, pengenalan berkaitan penulis atau penggubah, sebab teks sastera dihasilkan, tema, mesej yang disampaikan dan gaya bahasa yang digunakan. Teks ini merupakan koleksi daripada pelbagai genre teks sastera Arab sama ada dalam bentuk puisi dan prosa. Untuk peperiksaan STAM, teks sastera Arab dipilih daripada dua peringkat perkembangan sastera Arab iaitu zaman kerajaan Othmaniah dan zaman moden.

Pada asasnya, antara objektif pembelajaran sastera adalah untuk meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Kesusasteraan melatih mereka untuk meramal, merumus, menganalisis, membuat kesimpulan, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah semasa membaca (Najendran, 2000). Secara lebih khusus, objektif pembelajaran teks al-Quran, al-hadis dan karya sastera puisi dan prosa Arab dan retorika Arab adalah untuk memahami dan menghayati keindahan bahasa (Abdul Halim Ariffin, 1999; Sohair, 1999). Kemahiran memahami teks bacaan pada aras yang tinggi ini juga menyediakan asas yang kukuh bagi pelajar untuk menguasai subjek bahasa Arab yang lain. Adalah dijangkakan bahawa pembelajaran bahasa Arab yang bermula dari tingkatan satu sehinggalah ke peringkat enam bawah sepatutnya dapat menyediakan kemahiran bacaan yang mencukupi kepada pelajar untuk memperoleh keputusan peperiksaan yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Kemahiran ini juga menjadi asas kepada mereka untuk cemerlang dalam pembelajaran mereka di peringkat pengajian yang lebih tinggi.

Jika dilihat kepada Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) yang digunakan untuk menunjukkan prestasi mata pelajaran dalam peperiksaan STAM pada tahun 2020, subjek sastera Arab (Adab & Nusus) mencatat nilai GPMP paling besar, yang menunjukkan prestasi pelajar pelajar berada pada tahap yang paling rendah. Lebih daripada separuh skor markah pelajar berada pada tahap lulus iaitu 52.3% manakala sebanyak 22.1% gagal dalam subjek ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM, 2021). Keadaan ini menyebabkan keupayaan pelajar lepasan STAM dalam memahami sendiri teks bacaan sastera Arab diragui. Kajian lalu menunjukkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar lepasan IPTA yang mengambil pengkhususan bahasa Arab tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa yang baik (Ab. Halim, 2007; Sueraya et al., 2010). Mereka tidak dapat memahami frasa Arab dengan baik (Ab. Halim, 2005). Bahkan ada di antara mereka yang mampu membaca dan memahami teks yang menggunakan bahasa yang lebih mudah seperti bahasa surat khabar (Mohd Pisol et al., 2005 dalam Ab Halim, 2009). Keadaan menjadi lebih parah apabila pembelajaran melibatkan teks sastera Arab. Pelajar tidak mampu memahami contoh-contoh syair dan prosa dengan uslub dan gaya bahasa tradisional dengan baik (Abdullah Tahmin, 1999). Kelemahan mereka dalam

pembelajaran bahasa Arab ini umumnya dikaitkan dengan kelemahan memahami maksud perkataan ekoran daripada kurangnya perbendaharaan kata bahasa Arab (Nur Syazwina Mustapha et al., 2012). Oleh itu, timbul persoalan berkaitan pengaruh faktor penguasaan bahasa Arab terhadap kefahaman bacaan sebenar pelajar yang mengambil peperiksaan STAM. Apakah tahap kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab pelajar yang mengambil peperiksaan STAM? Adakah penguasaan bahasa Arab mempengaruhi kefahaman bacaan pelajar lepasan STAM? Apakah elemen utama penguasaan bahasa yang mempengaruhi kefahaman bacaan mereka? Oleh yang demikian, kajian ini amat perlu dilakukan bagi merungkai persoalan dan seterusnya mencari penyelesaian bagi masalah ini.

## **2. Kajian Literatur**

### **2.1. Kefahaman bacaan**

Kefahaman merujuk kepada keupayaan menubuhkan, mentafsirkan, dan menilai sesuatu berkaitan dengan perkara atau apa-apa yang dibaca (Marohaini, 1999). Kefahaman merupakan suatu proses mendapatkan makna daripada komunikasi samada melalui lisan, tulisan, atau penggunaan lambang-lambang tertentu. Kefahaman merupakan hasil daripada proses bacaan yang dilakukan secara serentak dalam mengeluarkan dan membina makna melalui interaksi dan penglibatan dengan bahasa bertulis (Alderson, 2000; Rand Reading Study Group, 2002). Ia terdiri daripada tiga unsur iaitu pembaca, teks, dan aktiviti atau tujuan membaca. Kefahaman bacaan adalah proses multi-dimensional yang melibatkan banyak faktor pada tahap yang berbeza. Antara dimensi yang terlibat berkaitan pembaca, kosa kata dan pengetahuan berkaitan teks, pengetahuan struktur teks dan ayat kompleks dan faktor afektif seperti motivasi.

Model *Compensatory Model of Second Language Reading* (Bernhardt, 2005) merupakan antara model terkini yang menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman bacaan dalam bahasa kedua. Model ini dengan jelas menyatakan bahawa penguasaan dalam bahasa sasaran (bahasa kedua) mewakili varian kefahaman bacaan yang terbesar iaitu sebanyak 30% manakala kemahiran bacaan dalam bahasa pertama mewakili 20%. Baki 50% daripada varian kefahaman bacaan masih belum dibuktikan secara empirikal. Menurut model ini, kedua-dua faktor ini akan saling berinteraksi antara satu sama lain dalam mempengaruhi bacaan dalam bahasa kedua. Dengan berlandaskan kepada teori *Linguistic Interdependance Hypothesis* (LIH) (Clark, 1979) Menurut teori ini, penguasaan dari sudut linguistik memberi kesan yang besar terhadap kefahaman bacaan. Seseorang pembaca perlu melepasi tahap kritikal bagi aras penguasaan linguistik bahasa kedua sebelum mereka dapat menggunakan kemahiran bacaan dalam bahasa pertama dalam proses bacaan dalam bahasa kedua. Menurut teori ini, pemindahan kemahiran bacaan daripada bahasa pertama ke dalam bahasa kedua hanya akan berlaku apabila seseorang pembaca telah melepasi aras tertentu penguasaan bahasa kedua. Jumlah atau aras tertentu bagi aspek linguistik ini dirujuk oleh Clarke (1980) sebagai "*Language Ceiling*" atau istilah yang diberikan oleh Cummins (1979) sebagai "*Threshold Level of Linguistic Competence*". Sekiranya penguasaan linguistik seseorang pembaca di bawah paras ini, strategi membaca dalam bahasa pertama tidak dapat dipindahkan ke dalam proses bacaan dalam bahasa kedua. Akibatnya, kelemahan aspek linguistik akan menghalang penggunaan kemahiran bacaan yang telah dikuasai dalam bahasa pertama semasa membaca dalam bahasa kedua. Ekoran daripada itu, pembaca yang menghadapi halangan linguistik ini akan menggunakan strategi yang sering dilakukan oleh pelajar lemah apabila berhadapan dengan teks yang sukar dalam bahasa kedua (Muhammad Saiful Anuar, 2016).

## **2.2. Penguasaan bahasa dan kefahaman bacaan**

Penguasaan bahasa yang merangkumi aspek penguasaan kosa kata dan pengetahuan sintaksis ayat oleh pembaca memainkan peranan yang besar dalam proses kefahaman bacaan. Kajian Davis (1944) berkaitan bacaan dalam pertama mendapati pengetahuan berkaitan perbendaharaan kata antara faktor utama dalam meramalkan kefahaman bacaan. Faktor analisis Davis terhadap sembilan kemahiran asas dalam kefahaman membaca menghasilkan dua faktor utama, iaitu pengetahuan berkaitan kosa kata dan kemahiran membuat kesimpulan. Kedua-dua faktor ini menyumbang sebanyak 89% daripada varian dalam kefahaman membaca. Aspek sintaksis atau tatabahasa (I'rab) juga memainkan peranan yang penting terhadap kefahaman bacaan (Gelderen et al., 2003). Walaupun demikian, pengaruhnya terhadap kefahaman bacaan tidak sebesar pengaruh penguasaan kosa kata (Tasci & Tunaz, 2020; Khaldieh, 2001).

Kekuatan hubungan di antara pengetahuan kosa kata dengan kefahaman bacaan diperolehi berdasarkan kajian korelasi mudah sejak 50 tahun yang lalu (Tannenbaum et al., 2006). Kebanyakan kajian melaporkan hubungan di antara pengetahuan perkataan dengan kefahaman membaca adalah berbeza dengan nilai korelasi antara 0.3 hingga 0.8. Kajian dalam bahasa kedua yang menggunakan model kajian dalam bahasa pertama juga menunjukkan dapatan yang hampir sama. Berdasarkan dapatan kajian-kajian yang dilakukan, Bernhardt (2005) merumuskan penguasaan bahasa mewakili varian terbesar dalam kefahaman bacaan iaitu sebanyak 30%. Antara kajian tersebut, kajian terhadap bahasa Inggeris (Bossers, 1991; Lee & Schallert, 1997, Nassaji, H.2003, dan Al-Shumaimeri, 2006; Zaidah Zainal, 2008; Taillefer, 1996), bahasa Perancis (Barnett,1988), bahasa Belanda (Bossers, 1991), Sepanyol (Bernhardt dan Kamil, 1995), Korea (Lee & Schallert, 1997) dan juga bahasa Arab (Nurhayati, 2006; Salah, 2008).

Dapatan kajian terhadap bahasa Inggeris mendapati penguasaan kosa kata merupakan komponen asas yang diperlukan oleh semua pembaca walaupun mereka sudah mempunyai kemahiran membaca yang tinggi, (Nassaji, 2003), mempunyai kesan yang besar ke atas prestasi kefahaman pelajar pada tahap yang berbeza dan memainkan peranan yang penting dalam mengimbangi kelemahan dalam memahami teks yang tidak biasa dibaca (Al-Shumaimeri, 2006). Zaidah (2008) melaporkan bahawa terdapat perbezaan tinggi yang signifikan di antara pelajar yang tinggi tahap penguasaan bahasa Inggeris berbanding dengan pelajar sederhana dalam kefahaman bacaan. Taillefer (1996) menjalankan kajian untuk melihat pengaruh kemahiran bahasa pertama dan penguasaan bahasa kedua dalam dua aktiviti bacaan teks yang berbeza; membaca dengan mengimbas untuk melihat isi penting dan membaca untuk memahami secara mendalam kandungan teks bacaan. Hasil kajian mendapati penguasaan bahasa kedua jauh lebih penting daripada faktor keupayaan bacaan dalam bahasa pertama dalam mencari makna dan memahami isi kandungan teks dengan lebih mendalam.

Kajian Barnett (1988) terhadap bacaan bahasa Perancis mendapati pembaca yang lebih tinggi penguasaan bahasa Perancis memperoleh skor kefahaman bacaan yang lebih tinggi. Bossers (1991) mendapati penguasaan bahasa kedua merupakan peramal yang lebih penting, dengan anggaran empat kali lebih besar daripada keupayaan membaca dalam bahasa pertama. Kajian Lee dan Schallert (1997) terhadap kefahaman bahasa Korea menunjukkan bahawa kemahiran dalam bahasa pertama dan penguasaan dalam bahasa kedua menyumbang kepada keupayaan membaca dalam bahasa kedua sebanyak 62% daripada varians bacaan, dengan penguasaan bahasa dua kali ganda melebihi keupayaan bacaan dalam bahasa pertama. Dapatan yang sama juga didapati dalam bahasa Arab. Kajian (Salah, 2008) mendapati terdapat hubungan yang tinggi di antara 0.6 and 0.7 dalam kefahaman teks bahasa Arab manakala Nurhayati (2006) mendapati penguasaan kosa kata mewakili 40.5% daripada jumlah varian pencapaian pelajar.

Berdasarkan kajian literatur dan teori di atas, hipotesis berikut telah dibina:

H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara penguasaan bahasa Arab dengan kefahaman teks sastera Arab.

### **3. Metodologi Kajian**

Kajian kuantitatif ini melibatkan lima belas buah sekolah agama di Kelantan di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan (YIK). Untuk memastikan sampel responden yang dipilih mewakili populasi kajian, lima belas buah sekolah telah dipilih secara rawak berkelompok daripada sepuluh jajahan dan seterusnya pelajar daripada sekolah tersebut dipilih secara rawak mudah. Saiz sampel minima bagi kajian ini ditentukan melalui penggunaan perisian G\*Power 3.1 (Faul et al., 2009). Pengiraan saiz sampel dilakukan dengan cara melihat jumlah pemboleh ubah kajian dan item kajian. Untuk mengira saiz sampel yang sesuai, perisian G\*Power 3.1 ditetapkan pada aras seperti berikut:  $f^2 = 0.15$  (sederhana),  $\alpha = 0.05$  dan bilangan peramal = 1 serta kuasa ditetapkan pada 80% (Gefen et al., 2011). Menggunakan formula di atas, saiz sampel yang diperlukan untuk menguji model ini adalah 55. Untuk tujuan generalisasi, jumlah sampel kajian ditentukan melalui jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) iaitu seramai 225 orang. Dua instrumen kajian digunakan iaitu soalan Nahu dan Mutalaah untuk mengukur penguasaan bahasa Arab dan soalan kefahaman teks sastera Arab bagi tiga jenis teks subjek sastera Arab STAM iaitu teks sejarah sesusasteraan Arab, teks puisi dan teks prosa Arab.

Kajian rintis dilakukan pada lapan puluh orang pelajar di sebuah sekolah menengah agama di Pasir Puteh, Kelantan yang dipilih secara rawak untuk memastikan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Analisis kebolehpercayaan dilakukan terhadap soalan aneka pilihan teks subjek sastera Arab STAM menggunakan formula Kuder–Richardson Formula 20 (KR-20). Nilai yang diperoleh menggunakan formula ini adalah sebanyak .68, dan nilai ini boleh diterima dengan mengambilkira aras kesukaran soalan teks sastera Arab. Menurut Guilford et al. (1978), indeks kesukaran yang sederhana dan sama diperlukan bagi tiap-tiap item soalan untuk mendapatkan kebolehpercayaan yang tinggi. Dengan mengambil kira jumlah responden dan kesukaran soalan sastera Arab, nilai ini dirasakan sudah mencukupi. Skor penguasaan bahasa Arab diperoleh daripada skor subjek Nahu dan Mutalaah bagi soalan percubaan peperiksaan STAM. Soalan percubaan ini telah melalui proses pemurnian melalui Bengkel Penggubalan dan Pemurnian Soalan Percubaan STAM oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Penggunaan skor dua subjek ini digunakan untuk mengukur penguasaan bahasa Arab disebabkan belum ada persetujuan yang konklusif berkaitan konstruk khusus bagi mengukur penguasaan bahasa. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh kebanyakan pengkaji dalam mengukur penguasaan bahasa sebelum ini menggunakan konstruk atau elemen yang berbeza (Lee & Schallert, 1997). Seterusnya, sebanyak 400 soalan diedarkan kepada pelajar. Soalan tersebut diperiksa untuk mendapatkan skor markah yang kemudiannya melalui proses pembersihan data daripada kewujudan data terpencil (*outliers*). Sebanyak 375 data yang baik dan bebas daripada masalah di atas dikekalkan untuk tujuan analisis selanjutnya, Data yang dikumpulkan ini kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) 23.0*. dan SmartPLS 3.0. Prosedur Permodelan Berstruktur Partial Least Square (PLS-SEM) melibatkan dua peringkat analisis iaitu model pengukuran item dan model pengukuran struktur. Kesahan konvergen, nilai pemberat nilai pemberat faktor dan analisis pertindanan item (*redundancy*) dipastikan pada peringkat analisis model pengukuran item manakala hipotesis yang dibina dianalisis pada peringkat analisis model pengukuran struktur.

### **4. Dapatan Kajian**

#### 4.1. Responden kajian

Daripada 375 responden kajian daripada lima belas buah sekolah di Kelantan, seramai 132 (35.2%) terdiri daripada pelajar lelaki manakala 243 (64.8%) adalah daripada kalangan pelajar perempuan. Seramai 312 (83.2%) pelajar dipilih daripada 11 buah sekolah penuh YIK manakala 63 pelajar (16.8%) pelajar daripada empat buah sekolah bantuan YIK. Umur responden yang berumur 18 tahun adalah seramai 247 pelajar (65.9%), diikuti dengan umur 19 tahun seramai 108 pelajar (28.8%) dengan mean umur sebanyak 18.32. Profil responden kajian ini dijelaskan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Profil responden kajian

Profil Demografi	Bilangan Responden (N=375)	Peratusan %
<b>Jantina</b>		
Lelaki	132	35.2
Perempuan	243	64.8
<b>Sekolah</b>		
Maktab Pengajian Islam	42	11.2
Maahad Amir Indera Petra	51	13.6
Maahad Tumpat	17	4.5
Maahad Pasir Mas	39	10.4
Maahad Rantau Panjang	15	4.0
Maahad Padang Siam	33	8.8
SMUA Sabirin Ayer Lanas	22	5.9
Kolej YIK	27	7.2
Maahad Saniah	28	7.5
Maahad Rahmaniah	24	6.4
SMUA Gua Musang	14	3.7
Panchor KB	26	6.9
Azhariah Melor	13	3.5
Mahelliah Getting	12	3.2
Binjai Manis P. Mas	12	3.2
<b>Jenis Sekolah</b>		
Sekolah Penuh YIK	312	83.2
Sekolah Bantuan YIK	63	16.8
<b>Umur</b>		
Min = 18.32		
SD = .599		
16	1	0.3
17	8	2.1
18	247	65.9
19	108	28.8
20	9	2.4
21	2	0.5

Pertama sekali, analisis deskriptif dilaksanakan untuk melihat tahap kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab STAM Kelantan. Kedua, analisis regresi pelbagai dilakukan untuk menguji kesan kualiti masjid terhadap terhadap pelaksanaan ibadat solat secara berjemaah di masjid atau surau.

#### 4.2. Analisis deskriptif

Dapatan yang diperoleh daripada borang soal selidik dinilai menggunakan nilai purata setiap elemen kefahaman bacaan teks sastera Arab (M) dan sisihan piawai (SP) dalam menentukan

tahap kefahaman responden terhadap kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab. Daripada skor markah kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab, nilai 70 ke atas di anggap tinggi, antara 50 dan 69 dianggap sederhana dan antara 0 dan 49 dianggap rendah. Bagi nilai sisihan piawai, nilai antara 0.00 dan 0.25 dianggap mendapat persetujuan responden yang sangat rendah, nilai antara 0.26 dan 0.50 dianggap mendapat persetujuan responden yang rendah, nilai antara 0.51 dan 0.75 dianggap mendapat persetujuan responden yang sederhana, nilai antara 0.76 dan 1.00 dianggap mendapat persetujuan responden yang tinggi dan >1.01 dianggap mendapat persetujuan responden yang sangat tinggi (Ramlee, 1999).

Hasil analisis menunjukkan nilai min skor markah berada antara 33.5 dan 39.6. Kefahaman bacaan responden kajian berada pada tahap yang rendah bagi semua jenis teks subjek sastera Arab iaitu teks sejarah sastera Arab, teks puisi dan teks prosa Arab. Dapatan analisis ini disokong oleh tahap persetujuan yang tinggi responden terhadap kesemua jenis teks subjek sastera Arab dengan nilai sisihan piawai (SP) antara 0.953 dan 1.111. Ringkasan persepsi responden terhadap empat elemen kualiti dijelaskan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Tahap kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab STAM (N:375)

ITEM	Mean	SP	Tahap
Kefahaman Teks Sejarah Sastera Arab	39.6	0.953	Rendah
Kefahaman Teks Puisi	33.5	0.958	Rendah
Kefahaman Teks Prosa	35.8	1.111	Rendah

Nota: M: mean, SP: sisihan piawai.

Sumber: Penulis (2022)

#### 4.3. Penilaian model pengukuran formatif

Dalam bahagian ini, pengujian kesahan dan kebolehpercayaan data model pengukuran formatif dilakukan. Tiga bentuk pengujian diperlukan dalam bahagian ini, iaitu pengujian kesahan konvergen, mengenalpasti isu kolineariti (pertindanan item) dan menentukan signifikan dan relevan indikator formatif (Ramayah et al., 2018). Kaedah pengujian kesahan konvergen item formatif berbeza dengan kaedah pengujian kesahan konvergen item reflektif. Ia dilakukan melalui penentuan korelasi yang tinggi di antara kesemua item formatif konstruk penguasaan bahasa Arab dengan item reflektif atau pengukuran global item tunggal bagi konstruk penguasaan bahasa Arab tersebut. Sekiranya korelasi yang diperoleh sama atau lebih daripada 0.80, kesahan konvergen item formatif telah dicapai (Hair et al., 2017). Ujian kedua pula melibatkan ujian pengesanan isu kolineariti. Ia merujuk kepada korelasi yang tinggi antara dua atau lebih indikator formatif (Hair et al., 2017). Korelasi yang tinggi akan menimbulkan masalah disebabkan kesannya kepada anggaran pemberat faktor dan signifikansi statistik. Untuk menentukan kewujudan isu kolineariti dalam PLS-SEM, nilai *Variance Inflation Factor* (VIF) dilihat. Sekiranya nilai VIF 5 atau lebih ((Hair et al., 2017) atau VIF 3.3 atau lebih (Diamantopoulos & Siguaw, 2006), ia menunjukkan kewujudan isu kolineariti. Langkah ketiga pengujian formatif adalah penggunaan kaedah *bootstrapping* dalam program Smart PLS bagi mengenal pasti signifikan nilai pemberat indikator (*outer weight*). Nilai pemberat indikator adalah hasil regresi pelbagai indikator formatif sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dengan skor pemboleh ubah pendam (*latent*) sebagai pemboleh ubah bersandar (Hair et al., 2017). Sekiranya nilai pemberat indikator tidak signifikan dan nilai muatan faktor (*factor loading*) di bawah nilai 0.50, keputusan perlu dibuat untuk membuang atau mengekalkan indikator tersebut dengan memeriksa kerelevanan teori dan potensi kewujudan pertindanan sesuatu indikator dengan indikator lain dalam konstruk yang sama (Ramayah et al., 2018). Hasil analisis diringkaskan dalam Jadual 3 dan Jadual 4 di bawah.

Jadual 3: Penilaian model pengukuran formatif penguasaan bahasa Arab (N:375)

Konstruk	Item	Kesahan Konvergen	Pemberat	VIF	Nilai t pemberat	p
PBA	KOSA	0.979	0.617	1.468	33.844**	.000
	NAHU		0.513		1.468	

KOSA: Kosa kata, Nahu: Tatabahasa, PBA: Penguasaan Bahasa Arab

\*\*p<0.01, nilai t lebih besar daripada 2.33; \*p<0.05, nilai t lebih besar daripada 1.645.

Sumber: Penulis (2022)

Berdasarkan kepada jadual 3 di atas, nilai kesahan konvergen adalah sebanyak 0.979. Menurut Hair et al. (2017), nilai yang lebih daripada 8.0 menunjukkan konstruk penguasaan bahasa Arab memiliki tahap kesahan konvergen yang mencukupi. Berkaitan dengan isu kolineariti, kesemua nilai VIF indikator konstruk formatif penguasaan bahasa Arab adalah di bawah 3.3 seperti yang dinyatakan oleh Diamantopoulos dan Siguaw (2006). Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa kolineariti bukan menjadi isu bagi penilaian laluan model kajian sekarang. Selain daripada itu, kosa kata dan nahu disahkan menjadi indikator yang signifikan bagi konstruk penguasaan bahasa Arab dengan nilai t masing-masing 33.844 dan 26.473. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa model pengukuran reflektif bagi penguasaan bahasa Arab kajian ini adalah sah dan boleh dipercayai.

Jadual 4: Penilaian model pengukuran formatif kefahaman teks sastera Arab (N:375)

Konstruk	Item	Kesahan Konvergen	Pemberat	VIF	Nilai-t pemberat	p	
KTSA	T1-Adab	0.897	0.325	1.919	8.947**	.000	
	T2- Puisi		0.426		1.809		13.105**
	T3 - Prosa		0.438		1.506		13.632**

T1-Adab: Teks Sejarah Sastera Arab, T1-Puisi: Teks Puisi, T1- Prosa Arab: Teks Prosa Arab, KTSA: Kefahaman Teks Sastera Arab

\*\*p<0.01, nilai t lebih besar daripada 2.33; \*p<0.05, nilai t lebih besar daripada 1.645.

Sumber: Penulis (2022)

Berdasarkan kepada jadual 4 di atas, nilai kesahan konvergen adalah sebanyak 0.897. Nilai yang diperoleh ini melebihi 8.0 yang menunjukkan konstruk kefahaman bacaan teks sastera Arab memiliki tahap kesahan konvergen yang mencukupi (Hair et al., 2017). Kesemua nilai VIF indikator konstruk kefahaman teks sastera Arab adalah di bawah 3.3 seperti yang dinyatakan oleh Diamantopoulos dan Siguaw (2006) menunjukkan menunjukkan kolineariti bukan menjadi isu konstruk konstruk kefahaman bacaan teks sastera Arab. Selain daripada itu, teks sejarah sastera Arab, teks puisi dan teks prosa Arab disahkan menjadi indikator yang signifikan bagi konstruk konstruk kefahaman teks sastera Arab dengan nilai t masing-masing 8.947, 13.105 dan 13.632. Dengan ini, kesahan dan kebolehpercayaan model pengukuran reflektif bagi konstruk kefahaman teks sastera Arab dibuktikan.

#### 4.4. Penilaian model struktur

Kajian ini dijalankan untuk meninjau pengaruh penguasaan bahasa Arab terhadap kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab pelajar yang akan mengambil peperiksaan STAM. Untuk tujuan ini, satu hipotesis dibina di antara pemboleh ubah kajian. Fungsi *bootstrapping* SmartPLS 3.0 digunakan untuk menguji tahap signifikan dan nilai t bagi semua pekali laluan



dalam model kajian. Nilai  $R^2$  digunakan untuk peramalan model kajian menggunakan skala yang ditetapkan oleh Chin (1998) iaitu 0.67 (tinggi), 0.33 (sederhana) dan 0.19 (rendah). Hasil analisis membuktikan bahawa pekali laluan didapati signifikan pada aras 0.05 dengan nilai  $t \geq 1.645$ . Dapatan analisis menunjukkan saiz kesan ( $f^2$ ) adalah sederhana (0.300). Nilai  $R^2$  pula sebanyak 0.231 menunjukkan model kajian memiliki kekuatan peramalan yang sederhana. Hasil analisis pengujian hipotesis kajian dan kualiti model dijelaskan dalam Jadual 5 dan Rajah 1 di bawah.


Jadual 5: Ujian pekali laluan

Hipotesis	Hubungan	Beta	SE	Nilai t	Keputusan	$R^2$	$f^2$
H1	PBA -> KTSA	0.486	0.039	12.242**	Disokong	0.231	0.300

PBA: Penguasaan Bahasa Arab, KTSA: Kefahaman Teks Sastera Arab

\*\* $p < 0.01$ , nilai t lebih besar daripada 2.33; \* $p < 0.05$ , nilai t lebih besar daripada 1.645.

Sumber: Penulis (2022)



Rajah 1: Hasil analisis model pengukuran

## 5. Perbincangan

Kajian ini dilakukan untuk melihat tahap kefahaman bacaan teks sastera Arab dan pengaruh penguasaan bahasa Arab terhadap kefahaman bacaan teks sastera Arab pelajar STAM. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk melihat hubungan di antara penguasaan bahasa Arab dengan kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab. Dapatan kajian secara umumnya menunjukkan tahap kefahaman bacaan teks sastera Arab adalah rendah dan terdapat pengaruh yang signifikan penguasaan bahasa Arab yang sederhana kefahaman bacaan teks sastera Arab dengan kekuatan peramalan dan saiz kesan yang sederhana.

### 5.1. Tahap kefahaman bacaan teks sastera Arab

Kajian menunjukkan tahap kefahaman bacaan teks sastera Arab adalah rendah dengan nilai min skor markah berada antara 33.5 dan 39.6. Kefahaman bacaan responden kajian berada pada tahap yang rendah bagi semua jenis teks subjek sastera Arab iaitu teks sejarah sastera Arab, teks puisi dan teks prosa Arab. Dapatan analisis ini disokong oleh kajian-kajian lalu yang menunjukkan pelajar tidak dapat memahami contoh-contoh syair dan prosa (Abdullah Tahmin, 1999) dan teks yang menggunakan frasa dan bahasa yang mudah (Ab. Halim, 2005; Mohd Pisol et al., 2005 dalam Ab Halim, 2009) dengan baik.

### 5.2. Pengaruh penguasaan bahasa Arab terhadap kefahaman teks subjek sastera Arab.

Penguasaan bahasa Arab secara positif mempengaruhi kefahaman bacaan teks sastera Arab dengan nilai peramalan model sebanyak yang sederhana ( $R^2=0.231$ ). Sebanyak 23.1% varian dalam kefahaman bacaan teks sastera Arab diterangkan oleh faktor penguasaan bahasa Arab. Dapatan kajian ini selari dengan kajian sebelum ini yang melihat pengaruh yang signifikan penguasaan bahasa kedua terhadap kefahaman teks bacaan bahasa Arab (Salah, 2008; Nurhayati, 2006) bahasa Jerman (Bernhardt, 2005), bahasa Inggeris (Davis, 1944; Gelderen et al., 2003; Tannenbaum et al., 2006; Zaidah, 2008) dan bahasa Perancis (Barnett, 1988). Model bacaan Bernhardt (2005) mengesahkan bahawa komponen linguistik dan penggunaan strategi mempengaruhi proses bacaan sesuatu teks dengan pengaruh faktor linguistik lebih besar berbanding faktor penggunaan strategi.

Walaupun demikian, dapatan kajian ini sedikit berbeza daripada kajian sebelum dari sudut kekuatan peramalan dan saiz kesan. Hasil analisis kajian ini mendapati penguasaan bahasa memiliki kekuatan peramalan sebanyak 20% sahaja. Berbeza dengan model Bernhart (2005) yang membuat kesimpulan berdasarkan kepada kajian-kajian sebelum ini, faktor penguasaan bahasa menyumbang sebanyak 30% daripada varian kefahaman teks bacaan. Perbezaan dapatan kajian ini mungkin disumbangkan oleh penguasaan bahasa Arab yang rendah dan kesukaran teks bacaan sastera Arab. Ini selari dengan kenyataan para sarjana yang menyatakan bahasa tahap kekuatan pengaruh penguasaan bahasa kedua bergantung kepada faktor lain seperti konteks bacaan (Taillefer, 1996) dan tahap kesukaran sesuatu teks bacaan (Phakiti, 2006). Kajian Taillefer (1996) mendapati pengaruh penguasaan bahasa akan menjadi lebih besar sekiranya konteks bacaan seseorang pembaca adalah untuk mendapatkan maksud yang mendalam daripada sesuatu teks yang dibaca. Dalam situasi bacaan teks sastera Arab di sekolah, pelajar tidak dilatih untuk menjalankan sendiri proses bacaan (Rosni, 2008) menyebabkan pelajar tidak banyak menggunakan kemahiran bahasanya dalam memahami teks yang dibaca. Sebaliknya, mereka lebih bergantung kepada nota guru dan mengambil tindakan mudah iaitu dengan cara menghafal sahaja. Pelajar dilihat tidak banyak menggunakan penguasaan Arab mereka semasa membaca teks sastera Arab. Selain daripada itu, tahap penguasaan bahasa Arab pelajar adalah sederhana dan keadaan ini tidak memungkinkan pelajar memahami dengan baik teks sastera Arab yang sukar.

## **6. Kesimpulan**

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini, kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab berada pada tahap yang rendah. Penguasaan bahasa Arab merupakan faktor penting yang menjamin kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab. Sumbangan besar penguasaan bahasa Arab terhadap kefahaman bacaan teks subjek sastera Arab membuktikan ia merupakan faktor sangat penting yang perlu diberi keutamaan dalam memastikan kejayaan pelajar dalam mengharungi peperiksaan STAM dan seterusnya dapat mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Walaupun demikian, tindakan terancang perlu diambil dalam mengatasi kelemahan ini. Para pendidik perlu memberi keutamaan kepada penguasaan kosa kata Arab disebabkan keupayaan untuk memahami sendiri teks bacaan memerlukan penguasaan melebihi 90% daripada perkataan semasa. Oleh itu, mereka perlu lebih kreatif dalam pengajaran untuk menarik minat pelajar berusaha menguasai kosa kata selain daripada menggunakan pelbagai teknik dan kaedah pengajaran yang menyediakan peluang mendapatkan pendedahan yang kerap kepada perbendaharaan kata dalam bahasa Arab.

## **Rujukan**

Ab. Halim Mohamad & Che Radiah Mezah. (2005). Ketepatan terjemahan struktur ayat Arab ke dalam bahasa

- Melayu: Satu kajian kes. Kertas kerja *Seminar Antarabangsa MICOLLAC*, anjuran Jabatan Bahasa Inggeris, FBMK, UPM.
- Ab. Halim Mohamad. (2007). Masalah komunikasi bahasa Arab di kalangan pelajar bachelior bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam Ke-4*, hlm. 1-13.
- Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Education*, 1(1), 1-14.
- Abd Halim Ariffin (1999), *Pengajaran Ilmu Balaghah (Retorika) di sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Bawah Kementerian Pendidikan*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdullah Tahmin (1999), *Pengajaran balaghah di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Aek Phakiti. (2006). Modeling cognitive and metacognitive strategies and their relationship to EFL reading test performance. *Melbourne Papers in Language Testing*. 1:53-95.
- Alderson, J. C. (2000). *Assessing reading*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Al-Shumaimeri, Y., 2006. The effects of content familiarity and language ability on reading comprehension performance of low- and high-ability Saudi tertiary students studying English as a foreign language. *Education, Science*,
- Barnett, M.A. (1988). Reading through context: How real and perceived strategy use affects L2 comprehension. *Modern Language Journal*, 72, 150-162.
- Bernhardt, E.B. (2005). Progress and procrastination in second language reading. *Annual Review of Applied Linguistics* (2005) 25, 133–150.
- Bernhardt, E.B., & Kamil, M.L. (1995). Interpreting relationships between L1 and L2 reading: Consolidating the linguistic threshold and the linguistic independence hypothesis. *Applied Linguistics*, 16, 15-34.
- Bossers, B. (1991). On thresholds, ceilings and short-circuits: The relation between L1 reading, L2 reading and L2 knowledge. *AILA Review*, 8, 45-60.
- Chin, W. W. (1998). *The partial least squares approach for structural equation modeling*. In G. A. Marcoulides (Ed.), *Modern methods for business research* (pp. 295-358). Mahwah, NJ Lawrence Erlbaum Associates.
- Clarke, M.A. (1979). Reading in Spanish and English: evidence from adult ESL students. *Language Learning*, 29, 121-150.
- Cummins, J. (1979). "Linguistic interdependence and the educational development of bilingual children." *Review of Educational Research*, 49, 222-51.
- Davis, F. B. (1944). Fundamental factors of comprehension in reading. *Psychometrika*, 9, 185–197.
- Diamantopoulos, A. & J. A. Siguaw (2006). Formative versus reflective indicators in organizational measure development: A comparison and empirical illustration. *British Journal of Management*, 17(4), 263-282.
- Faul, F., Erdfelder, E., Buchner, A., & Lang, A.G. (2009). Statistical power analyses using G\*Power 3.1: Tests for correlation and regression analyses. *Behavior Research Methods*, 41, 1149-1160.
- Gefen, D., Rigdon, E. E., & Straub, D. (2011). An Update and Extension to SEM Guidelines for Administrative and Social Science Research. *MIS Quarterly*, 35(2), iii-A7.
- Gelderen, A. V., Schoonen R., Gloop, K. D., Hulstijn, J., Simis, A., Snellings, P., Smith, A., & Stevenson, M. (2003). Roles of linguistic knowledge, metacognitive knowledge and processing speed in L3, L2 and L1 reading comprehension: A structural equation modeling approach. *The International Journal of Bilingualism*, 1, 7–25.
- Guilford, J. P. dan Fruchter, Benjamin. (1978). *Fundamental Statistics in Psychology and Evaluation (Edisi ke 6)*, McCraw-Hill Kogakusha.
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2014). *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2017). *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*. Sage Publications.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM (2021) Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2020. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khaldieh, S. A. (2001). The Relationship between Knowledge of Icrab, Lexical Knowledge, and Reading Comprehension of Nonnative Readers of Arabic. *The Modern Language Journal*, Volume 85 (3), 416-431.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 608.
- Lee, J. and Schallert, D. L. (1997). The relative contribution of L2 language proficiency and L1 reading ability to L2 reading performance: A test of the threshold hypothesis in an EFL context. *TESOL Quarterly*, 31, 713-739.
- Marohaini Yusoff. (1999). *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman. Ke arah Kemantapan Pembelajaran di Sekolah Menengah*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Mohd. Nasir Ismail, Zawiah Seman. (2009). Kesedaran dan penggunaan strategi

- membaca di kalangan pelajar kesusasteraan Arab STPM. *Regional Academic Conference 2009*. Universiti Teknologi MARA Kelantan.
- Najendran.N.S. (2000). Kesusasteraan Sebagai Wahana Mengajar Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan Dalam Pendidikan, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan, Kelana Jaya.
- Nassaji, H. (2003). Higher-Level and Lower-Level Text Processing Skills in Advanced ESL Reading Comprehension.*The Modern Language Journal*. 87, 261-276.
- Nur Syazwina Mustapa, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hashim, Zuraida Shaadon. (2012). Kajian Meningkatkan Kemahiran Asas Membaca Teks Arab Melalui Kemahiran Membaca Al-Qur'an Dan Kaedah Latih Tubi. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. ISBN 978-967- 5478-49-9. <http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.html>
- Nurhayati. (2006). Hubungan Penguasaan Kosakata Dengan Prestasi Belajar Bahasa Arab (Studi Deskriptif Korelatif Terhadap Siswa Kelas 2 IPA 2 SMA PGRI I Bandung Tahun ajaran 2005 – 2006). Diserta Sarjana Pendidikan. *Digital Librari UPI*.
- Ramayah, T., Jacky C., Francis C., Hiram T., and Memon M. A. (2018). *Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM) using SmartPLS 3.0. An Updated and Practical Guide to Statistical Analysis*. Second Edition. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Ramlee, M. (1999). *The Role of Vocational and Technical Education in the Industrialization of Malaysia as Perceived by Educators and Employers* [Unpublished PhD Thesis, Purdue University].
- RAND Reading Study Group. (2002). *Reading for understanding: Toward an R & D program in reading comprehension*. Santa Monica, CA: RAND Corporation. (online at [www.rand.org/publications/MR/MR1465/](http://www.rand.org/publications/MR/MR1465/)).
- Rosni Samah. (2008). Pendekatan Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah-sekolah Agama. Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab (SEBAKA 2008). UKM, 47-54.
- Samet Tasci and Mehmet Tunaz. (2020). The Effect of L1 Reading Comprehension, L2 Grammar and Vocabulary Knowledge On L2 Reading Comprehension of 1st And 4th Year ELT Students. *International Periodical for the Languages, Literature and History of Turkish or Turkic*. 12(28), 723-735.
- Shereen Maher Salah. (2008). *The Relationship Between Vocabulary Knowledge and Reading Comprehension of Authentic Arabic Texts*. Tesis PhD Brigham Young University.
- Sohair Abdel Moneim Sery (1999), *Perintis ke Arah Memberi Nafas Baru kepada Ilmu Balaghah*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sueraya Che Haron, Ismail Sheikh Ahmad, Arifin Mamat & Ismaiel Hassanein Ahmed Mohamed. (2010). Understanding Arabic-speaking skill learning strategies among selected Malay learners: A case-study at the International Islamic University Malaysia (IIUM). *ProQuest Education Journals Aug* (3): 8-9.
- Taillefer, G.E. (1996) L2 Reading Ability: Further Insight into the Short-circuit Hypothesis. *Modern Language Journal*. 80. 4. 461–477.
- Tannenbaum, K.R., Torgesen. J.K. & Wagner, R.K. (2006). Relationships Between Word Knowledge and Reading Comprehension in Third-Grade Children. *Scientific Studies of Reading*. 10(4), 381-398.
- Zaidah Zainal. (2008). The effects of background knowledge, proficiency and genre on reading comprehension. Dalam *Reading in A Second Language. The Malaysian Context*. University Publication Centre (UPENA). Universiti Teknologi MARA.